

**ILUSTRASI BUKU KANAK – KANAK  
BERDASARKAN MODUL PENDIDIKAN  
SURAH LUQMAN AYAT 13 -19.**

**NURMALINA BINTI HASHIM**

**C17A0264**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

---

**MALAYSIA**  
**2021**

---

**KELANTAN**



**ILUSTRASI BUKU KANAK – KANAK BERDASARKAN  
MODUL PENDIDIKAN SURAH LUQMAN AYAT 13 -19.**

**NURMALINA BINTI HASHIM**

**C17A0264**

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi

Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif

(Komunikasi Visual)

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**KELANTAN**

**2021**

### PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi lain.

**TIDAK TERHAD** Saya mengakui bahawa laporan ini boleh dicetak atau dilayari secara atas talian (teks lengkap)

**SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah akta Rahsia Rasmi 1972)

**LARANGAN** (Mengandungi batasan maklumat yang diberi oleh organisasi di mana kajian telah dilakukan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk kegunaan kajian sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk membuat salinan terhadap laporan ini bagi tujuan pertukaran akademik.

Disediakan Oleh:

-----

(Tandatangan)

(Tandatangan Penyelia)

NURMALINA BINTI HASHIM

CIK IZATI NABILA BINTI MARZUKI

Tarikh:

Tarikh:

Nota: Jika laporan ini SULIT ATAU TERHAD, sila kepitkan bersama surat daripada organisasi yang menyatakan masa dan sebab untuk kesulitan dan pembatasan.

## DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this report is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

**OPEN ACCESS**

I agree that my report is to be made immediately available as hardcopy or online open access (full text).

**CONFIDENTIAL**

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

**RESTRICTED**

(Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*

I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan reserves the rights follows:

1. The report is property of Universiti Malaysia Kelantan.
2. The library of Universiti Malaysia Kelantan has right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the report for academic exchange.

Certified by:

-----  
( Signature )

NURMALINA BINTI HASHIM

-----  
(Signature of supervisor)

CIK IZATI NABILA BINTI MARZUKI

Date:

Date:

Notes: \* if the report CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organisation stating the period and reasons for confidentiality and restriction.

## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dan pihak UMK kerana telah memberikan saya peluang untuk mempelajari bidang multimedia yang sangat berguna dan baik untuk masa depan saya. Sistem pengurusan yang baik dengan menyediakan prasarana dan keperluan bagi para pelajar juga dapat membantu para pelajar untuk lebih mudah menyiapkan projek penyelidikan mereka.

Selanjutnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Izati Nabila Binti Marzuki iaitu penyelia saya kerana banyak membantu dan membimbing saya untuk menyiapkan projek penyelidikan saya. Tambahan pula, beliau juga banyak memberi panduan kepada saya untuk menyiapkan projek penyelidikan saya dengan betul.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga, rakan-rakan dan pihak tertentu kerana banyak membantu saya dan memberi idea kepada saya untuk menjayakan projek penyelidikan saya. Hal ini demikian kerana, cadangan dan pandangan yang diberi oleh mereka amatlah membantu bagi menyempurnakan projek penyelidikan saya.

**SENARAI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	<b>i</b>
<b>DEKLARASI TESIS</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>iv-vii</b>
<b>SENARAI CARTA</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI GRAF</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>ix-xii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>xiii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 PENGENALAN	1 -2
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	3
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	3 - 4
1.4 PERSOALAN KAJIAN	5
1.5 SKOP KAJIAN	5
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	6

**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	PENGENALAN	7
2.2	SURAH LUQMAN	8
2.3	BUKU ILUSTRASI	8- 10
2.4	ASAS REKA BENTUK	10
2.4.1	ELEMEN ASAS REKA BENTUK	10- 12
2.4.2	PRINSIP ASAS REKA BENTUK	13 - 15
2.5	BENTUK KANAK – KANAK SUKA DALAM PENGHASILAN BUKU.	15
2.6	RUMUSAN	16

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	REKA BENTUK KAJIAN	17
3.2	KEADAH KAJIAN	17
3.3	TEKNIK PENGUMPULAN DATA	18
3.4	PERSEMPELAN	18
3.5	CARTA	19
3.6	KESIMPULAN	20

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	PENGENALAN	21
4.2	ANALISIS DAPATAN KAJIAN DATA DEMOGRAFI	22

4.3 DAPATAN KAJIAN SEJAUH MANA TAHAP	
PEMAHAMAN KANAK - KANAK MEMAHAMI	23
AL -QURAN BAGI SURAH AL – LUQMAN	
4.4 DAPATAN KAJIAN DENGAN PENGHASILAN	
BUKU ILUSTRASI KANAK-KANAK SEBAGAI	
MODUL PENDIDIKAN SURAH LUQMAN BAGI	
MENYAMPAIKAN NASIHAT DAN PESANAN	24
YANG LEBIH MENARIK SERTA	
MENYAMPAIKAN DAKWAH.	
4.5 PERBINCANGAN	
4.5.1 PERBINCANGAN BAHAGIAN A:	
DEMOGRAFI RESPONDEN	
4.5.2 PERBINCANGAN BAHAGIAN B:	25 - 27
SEJAUH MANA TAHAP PEMAHAMAN	
KANAK - KANAK MEMAHAMI AL -	
QURAN BAGI SURAH AL - LUQMAN.	27 - 30
4.5.3 PENGHASILAN BUKU ILUSTRASI	
KANAK -KANAK SEBAGAI MODUL	
PENDIDIKAN SURAH LUQMAN BAGI	
MENYAMPAIKAN NASIHAT DAN	31 - 34
PESANAN YANG LEBIH MENARIK SERTA	
MENYAMPAIKAN DAKWAH.	
4.6 PEMBANGUNAN PRODUK	35 - 45
4.7 RUMUSAN	46



**BAB 5 KESIMPULAN**

<b>5.1 PENGENALAN</b>	47
<b>5.2 PENGERTIAN KAJIAN</b>	47
<b>5.3 LIMITASI KAJIAN</b>	48
<b>5.4 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN</b>	48
<b>5.5 UNSUR PENDIDIKAN</b>	49
<b>5.6 KESIMPULAN</b>	49 - 50

<b>RUJUKAN</b>	51 - 52
----------------	---------

<b>LAMPIRAN A – SOALAN SOAL SELIDIK</b>	53 - 56
---	---------

<b>LAMPIRAN B – HASIL SOAL SELIDIK</b>	57- 60
--	--------

<b>LAMPIRAN C – POSTER</b>	61
----------------------------	----

<b>LAMPIRAN D - CARTA GANT</b>	62
--------------------------------	----

<b>LAMPIRAN E – BUKU</b>	63 -68
--------------------------	--------

**SENARAI CARTA**

Carta 4.3 menunjukkan Peratusan Responden Mengikut Jantina.	25
Carta 4.4 Menunjukkan Peratusan Responden Mengikut Umur.	25
Carta 4.5 menunjukkan Peratusan Responden Mengikut perkerjaan	26
Carta 4.6 menunjukkan Peratusan Responden Mengikut soalan 1	27

**SENARAI JADUAL**

Jadual 4.1 menunjukkan demografi responden	22
Jadual 4.2 menunjukkan sejauh mana tahap pemahaman kanak - kanak memahami Al -Quran bagi surah Al – Luqman	23
Jadual 4.3 menunjukkan penghasilan buku ilustrasi kanak-kanak sebagai modul pendidikan surah Luqman bagi menyampaikan nasihat dan pesanan yang lebih menarik serta menyampaikan dakwah.	24

**SENARAI GRAF**

Graf 4.7 menunjukkan Peratusan Responden Mengikut soalan	27
Graf 4.8 menunjukkan Peratusan Responden Mengikut soalan 3	28
Graf 4.9 menunjukkan Peratusan Responden Mengikut soalan 4	29
Graf 4.10 menunjukkan Peratusan Responden Mengikut soalan 5	29

## SENARAI RAJAH

Rajah 4.1 antara nasihat luqman	4
Rajah 4.2: Gambar perwatakan luqman dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator	36
Rajah 4.3 : Gambar lukisan watak luqman yang telah disiap lukisan dan tracing dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator	36
Rajah 4.4 : Gambar yang jadikan sebagai latar belakang yang siap dan akan pilih semula dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.	37
Rajah 4.5 : di atas menunjukkan bahawa lakaran awal untuk menghasilkan buku sambil belajar,bermain dan fahami isi yang ingin sampaikan.	37 -38
Rajah 4.6: Gambar susun atur rekabentuk luqman Bersama keterangan dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.	38
Rajah 4.7: Gambar susun atur rekabentuk penerangan mengenai luqman sebagai mukaddimah dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator	38
Rajah 4.8: Gambar susun atur rekabentuk penerangan mengenai antara nasihat luqman kepada anaknya dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.	39
Rajah 4.9: Gambar susun atur rekabentuk penerangan mengenai antara nasihat luqman kepada anaknya yang pertama dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator	39
Rajah 4.10: Gambar susun atur rekabentuk penerangan mengenai antara nasihat luqman kepada anaknya yang kedua dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.	39

Rajah 4.11: Gambar susun atur rekabentuk penerangan mengenai antara nasihat luqman kepada anaknya yang ketiga dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.	40
Rajah 4.12: Gambar susun atur rekabentuk penerangan mengenai antara nasihat luqman kepada anaknya yang keempat dan kelima dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.	40
Rajah 4.13: Gambar susun atur rekabentuk penerangan mengenai antara nasihat luqman kepada anaknya yang keempat dan kelima dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.	41
Rajah 4.14: Gambar susun atur rekabentuk penerangan mengenai antara nasihat luqman kepada anaknya yang membina satu games melalui cari susun kata dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator	41
Rajah 4.15 dan 4.16: Gambar susun atur rekabentuk mengenai muka hadapan bagi pengolahan rekabentuk yang pertama menggunakan aplikasi Adobe Illustrator	42
Rajah 4.17: Gambar susun atur rekabentuk penerangan mengenai perkembangan idea muka hadapan buku nasihat tersebut dengan menggunakan aplikasi C	43
Rajah 4.18: Gambar susun atur rekabentuk penerangan mengenai perkembangan idea muka belakang buku nasihat tersebut dengan menggunakan aplikasi Adobe Illustrator.	43
Rajah A.1: Soal Selidik bahagian A	53
Rajah A.2: Soal Selidik bahagian B	54
Rajah A.3: Soal Selidik bahagian C	55
Rajah A.4: Sambungan Soal Selidik bahagian C	56
Rajah B.1: hasil Soal Selidik bahagian A	57

Rajah B.2 : Hasil Soal Selidik bahagian B	58
Rajah B.3 : Hasil Soal Selidik bahagian B dan bahagian C	59
Rajah B.4 : Hasil Soal Selidik bahagian B	60
Rajah C.1 : Poster	61
Rajah D.1 carta gant	62
Rajah E.1 Muka Hadapan Buku	63
Rajah E.2 Terbitan	63
Rajah E.3 Siapakah Luqman Al Hakim	64
Rajah E.4 Antara Nasihat Luqman Al – Hakim Kepada Anaknya	64
Rajah E.5 : Nasihat yang pertama Luqman Al – Hakim Kepada Anaknya	65
Rajah E.6 : Nasihat yang kedua Luqman Al – Hakim Kepada Anaknya	65
Rajah E.7 : Nasihat yang ketiga Luqman Al – Hakim Kepada Anaknya	66
Rajah E.8 : Nasihat yang keempat dan kelima Luqman Al – Hakim Kepada Anaknya	66
Rajah E.9 : Nasihat yang kelima Luqman Al – Hakim Kepada Anaknya	67
Rajah E.10 : games cari susun kata	67
Rajah E.11 : Muka Belakang Buku	68

## ASBTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian tentang penghasilan sebuah buku ilustrasi yang berkaitan dengan Pendidikan surah Luqman dimana seorang bapa yang bijaksana dalam mendidik atau nasihati anaknya. Projek penyelidikan nasihat Luqman al-Hakim ini dikaji berdasarkan 3 objektif kajian iaitu mengenalpasti tahap pemahaman kanak – kanak dalam memahami Al -Quran terutama bagi surah Luqman dan menentukan kesesuaian ilustrasi dalam modul Pendidikan surah Luqman dan. Objektif yang selanjutnya adalah menghasilkan buku kanak- kanak bagi modul Pendidikan surah Luqman agar dapat menyampaikan nasihat atau pesanan tersebut yang lebih menarik serta menyampaikan dakwah. Selain daripada itu, dalam laporan ini juga mengandungi bab yang merupakan pengenalan kepada kajian, kajian literasi, metodologi, dan kesimpulan kepada keseluruhan projek penyelidikan ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Kata kunci:** buku ilustrasi, surah luqman, nasihat luqman.

## ABSTRACT

This research project is a study on the production of an illustration book related to the Education of surah Luqman where a father is wise in educating or advising his children. This Luqman al-Hakim advice research project is studied based on 3 research objectives, namely to identify the level of understanding of children in understanding the Al-Quran, especially for surah Luqman and to determine the suitability of illustrations in the Education module of surah Luqman and. The next objective is to produce a children's book for the Education module of surah Luqman in order to convey the advice or message that is more interesting as well as convey the message. Apart from that, in this report also contains a chapter which is an introduction to the study, literacy review, methodology, and conclusion to the whole of this research project.

**Keywords:** illustration book, surah luqman, luqman advice.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Ilustrasi adalah sebuah gambar yang bertujuan untuk menjelaskan karya dua dimensi (2D). Hal ini adalah pengantar atau pelengkap bagi suatu tujuan bagi membantu seseorang supaya lebih cepat dan mudah difahami atau dikenali suatu tujuan yang diinginkan disampaikan. Ilustrasi ini juga adalah visualisasi dari suatu tulisan yang memakai Teknik drawing, lukisan, fotografi atau dengan Teknik serupa yang lainnya yang ada hubungan dengan subjek dan tulisan yang dimaksudkan. Selain itu, bagi pendapat Fariz (2009:14) ilustrasi ialah sebagai ekspektasi dari ketidakmungkinan serta tak berbedajauh dengan angan – angan, yang bersifat virtual atau maya. Ilustrasi hadir dalam berbagai diversifikasi.

Kanak – kanak ialah anak muda yang masih kecil biasanya berusia anggaran umur enam hingga dua belas tahun. Buku kanak-kanak adalah berbeza daripada buku untuk orang dewasa. Buku kanak-kanak ditulis untuk khalayak yang berbeza dengan kemahiran yang berbeza, keperluan yang berbeza dan cara pembacaan yang berbeza (Peter Hunt, 1999:4). Buku kanak-kanak juga mempunyai peranan yang pelbagai untuk mendidik, memberikan ilmu pengetahuan, membantu peningkatan dan pengukuhan bahasa, memupuk minat membaca dan menjadikan sastera sebagai bidang yang menghiburkan



(Alimah Salam, 2010:40). Ilustrasi buku kanak - kanak pula mempunyai fungsi untuk menerangkan teks atau peristiwa baik yang ilmiah ataupun berupa gambar bagian.

Pendidikan merupakan sesuatu hal yang penting bagi siapapun, termasuk bagi anak. Pada saat sekarang ini banyak sekali pendidikan yang diberikan pada anak pra sekolah atau lebih dikenal dengan istilah pendidikan anak usia dini, sebagai upaya untuk memberikan bekal dasar bagi kepentingan kehidupan anak di masa datang dan mempersiapkan anak memasuki jenjang selanjutnya. Pendidikan anak usia dini menjadi strategi manakala ia menjadi tolak ukur keberhasilan pada tahap berikutnya.

Pendidikan anak merupakan realisasi tanggungjawab orang tua, masyarakat, dan pemerintah. Dimulai dari lingkup terkecil, iaitu orang tua, sejak kelahiran seorang anak, setiap orang tua berharap anaknya sukses dalam kehidupannya. Pemahaman bahwa keberhasilan dan kesuksesan anak dapat diraih dan ditentukan oleh aspek pendidikan, membuat keinginan orang tua semakin kuat untuk menyekolahkan anak.

Surah luqman ialah nama kepada Nabi Luqman disebut dalam Al-Quran hanya dua kali dalam juz 21 dan sekaligus terabadikan menjadi nama surat ke-31. Surah Luqman ini terdiri dari 34 ayat, termasuk golongan surah makkiyyah, yang diturunkan sesudah surah Al-Shaffat. Dinamakan surah Luqman, karena pada ayat 12 disebutkan bahwa Luqman telah diberi Allah SWT hikmah berupa ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu, Luqman bersyukur kepada-Nya atas nikmat yang diberikan. Pada ayat 13 sampai 19, terdapat nasihat Luqman kepada anaknya. Hal ini sarat dengan pelajaran bagi orangtua agar dapat mendidik anaknya seperti prinsip-prinsip pendidikan yang telah dilakukan Luqman.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Antara permasalahan yang sering timbul ialah penggunaan ilustrasi buku kanak – kanak yang disediakan tidak menarik perhatian kanak – kanak untuk membaca dan memahami apa isi yang ingin disampaikan, maka rumusan masalah yang dikaji dalam penelitian ini iaitu: bagaimana kandungan surah Luqman ayat 12-19 tentang memberi atau menyampaikan 9 pesan, nasihat atau rahsia al Luqman Hakim kepada anaknya.

## 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Menerusi kajian ini juga bertujuan untuk menilai dan memperbaiki ilustrasi buku kanak – kanak berdasarkan modul pendidikan Surah Luqman ayat 13 -19 dengan objektif atau tujuan yang ingin dicapai oleh saya. Antara objektif utama yang ingin saya ketengahkan ialah:

- i) Mengenalpasti tahap pemahaman kanak – kanak dalam memahami Al - Quran terutama bagi surah Luqman.
- ii) Menentukan kesesuaian ilustrasi dalam modul Pendidikan surah Luqman.
- iii) Menghasilkan buku kanak- kanak bagi modul Pendidikan surah Luqman agar dapat menyampaikan nasihat atau pesanan tersebut yang lebih menarik serta menyampaikan dakwah.



Rajah 4.1 antara nasihat luqman

Berdasarkan gambar diatas, terdapat 9 rahsia Luqman memberikan nasihat atau pesan buat anak – anak serta menyampaikan dakwah kepada masyarakat sekarang.

Antaranya pesanan luqman untuk anak dengan memberi didikan iaitu :

1. Sentiasa bersyukur dan tidak mempersekutukan Allah S.W.T
2. Sentiasa berbakti kepada orang tua
3. Sentiasa merasa dalam pengawasan Allah S.W.T
4. Sentiasa perintah anak mendirikan solat
5. Sentiasa berani menegakkan kebaikan dan cegah kemungkaran
6. Sentiasa sabar “sabar itu sebagai kunci kejayaan”
7. Jangan bersikap sombong
8. Sentiasa berperawakan baik
9. Sentiasa berkomunikasi yang diajar oleh Allah S.W.T dan Rasullah S.A.W

#### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

- i) Bagaimanakah pemahaman kanak – kanak dalam memahami Al -Quran terutama bagi surah Luqman.
- ii) Apakah media sedia ada modul Pendidikan surah Luqman sesuai untuk kanak – kanak.
- iii) Sejauhmanakah penghasilan buku ilustrasi kanak – kanak dapat menyampaikan nasihat atau pesanan tersebut yang lebih menarik serta menyampaikan dakwah.

#### 1.5 SKOP KAJIAN

Mengikut seperti yang dirancang dalam kajian ini, skop atau fokus kajian adalah berdasarkan aspek kajian yang melibatkan pembaca atau ulat buku terutamanya dikalangan kanak -kanak bertujuan untuk menyampaikan ilmu, nasihat dan pesan daripada Q.S surah Luqman ayat 13- 19. Disamping itu, bagaimana cara bagi menampakkan ilustrasi buku tersebut lebih kelihatan eksklusif serta dapat menarik minat banyak golongan tidak semestinya kepada kanak – kanak.

Namau, secara tidak langsung kajian ini dapat menunjukkan sejauh mana peranan ilustrasi dapat membantu dalam melariskan sesuatu produk tersebut. Oleh itu, saya akan menggunakan pendekatan ilustrasi iaitu penerapan penggunaan imej digital comel dan menarik bagi menampakkan sesuatu rekaan pada buku agar lebih kelihatan eksklusif berbanding yang biasa.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Seperti mana yang difahami, kajian ini mempunyai banyak kepentingan kepada saya. Hal ini demikian kerana, kajian ini adalah berkait rapat dengan kursus yang diambil. Saya mengatakan hal ini demikian kerana ingin membuka minda, memberi pesanan dan nasihat yang penting kepada kanak – kanak di usia muda tentang apa rahsia atau pesan luqman kepada anaknya.

Oleh itu, saya dapat mengaplikasikan pelajaran yang saya pelajari selama ini dengan melakukan kajian seperti ini. Secara tidak langsung, saya dapat mula menguji keberkesanan bidang yang saya pelajari dengan memluaskan dan menarik pengguna atau pengemar buku tersebut.

Selain daripada itu, kajian ini juga dapat kepentingan kepada masyarakat supaya dapat mengetahui sejauh mana pentingnya ilustrasi buku kanak- kanak dan juga kepentingan sesuatu penggunaan imej digital yang boleh menarik dalam membantu menyampaikan nasihat dari luqman itu.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1PENGENALAN**

Bab ini membentangkan kerangka teori kajian, yang difokuskan semasa memilih untuk membuat ilustrasi buku kanak-kanak berdasarkan modul Pendidikan surah Luqman serta dapat menyampaikan dakwah. Bab ini menekankan hikmat kebijaksanaan dan rahsia mengenal Allah Taala, membanteras syirik, mendorong supaya berakhlak mulia dan menjauhi daripada akhlak tercela. Ia juga membincangkan media yang dapat menarik kepada kanak – kanak supaya ingin membaca, dan mengingatkan tentang rahsia luqman kepada anak- anak.

## 2.2 SURAH LUQMAN

Surat Luqman (سورة لقمان) adalah surah ke-31 dalam Al-Quran. Surah ini terdiri dari atas 34 ayat dan termasuk golongan surah-surah Makkiyyah. Surah ini diturunkan sesudah Surah As-Saaffat. Nama Luqman diambil sempena dari kisah Luqman yang diceritakan dalam surah ini tentang bagaimana ia mendidik anaknya.

Surah ini dinamakan dengan surah Luqman kerana memaparkan satu kisah mengenai Luqman yang dikurniakan hikmat kebijaksanaan dan rahsia mengenal Allah Taala, membanteras syirik, mendorong supaya berakhlak mulia dan menjauhi daripada akhlak tercela, di mana itulah tujuan utama kedatangan al-Quran al-Karim. Tentang nama Luqman, tidak terdapat dalam al-Quran kecuali dalam surah ini sahaja, itupun di pertengahan surah. Dalam surah ini terdapat lapan ayat yang menyentuh tentang Luqman al-Hakim dan anak-anaknya, iaitu bermula dari ayat 13 hingga ke ayat 19. Surah Luqman adalah Surah yang istimewa. Surah yang menceritakan wasiat dan nasihat dari seorang bapa kepada anak lelakinya. Surah Luqman

## 2.3 BUKU ILUSTRASI

Buku dalam bahasa Inggeris ialah *books*. Maksud perkataan ini ialah [bu.ku] Buku ini bermaksud iaitu berhelai-helai kertas berjilid yang berisi tulisan untuk dibaca atau berisi ruangan-ruangan kosong untuk ditulis dalam kitab. (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Menurut (H.G. Andriese), menyebut bahwa buku merupakan informasi tercetak di atas kertas dijilid menjadi satu kesatuan. Menurut Kurniasih Buku adalah buah pikiran yang berisi ilmu pengetahuan hasil analisis terhadap kurikulum secara tertulis. Buku disusun menggunakan bahasa sederhana, menarik, dan dilengkapi gambar serta daftar pustaka



Ilustrasi adalah sebuah kata yang berasal dari bahasa Belanda *illustratie* yang memiliki arti suatu hiasan dengan gambar. Secara terminologi ilustrasi merupakan suatu gambar yang memiliki fungsi sebagai sarana untuk menjelaskan suatu kejadian.

Seterusnya, menurut para ahli (Soedarso, 1990) menyatakan bahwa ilustrasi adalah sebuah gambar yang melukiskan tujuan tertentu seperti contohnya pada cerpen. Menurut Baldinger (1986:120), ilustrasi adalah seni membuat gambar yang berfungsi untuk memperjelas dan menerangkan naskah. Sedangkan menurut Jan D. White (1982:110) ilustrasi adalah sebuah tanda yang tampak di atas kertas, yang mampu mengkomunikasikan permasalahan tanpa menggunakan kata. Ia dapat menggambarkan suasana, seseorang, dan bahkan objek tertentu agar dapat menarik penggambaran suasana yang dapat membawa pembacanya ke alam cerita.

Kemahiran ini tentunya memerlukan ketajaman minda dari seorang ilustrator. Namun, kesesuaian gambar ilustrasi dengan peristiwa atau kejadian yang disajikan dalam buku untuk anak merupakan hal yang penting. Buku dengan kesesuaian konteks dan ilustrasi yang memadai akan mempengaruhi proses dan pola pemikiran anak usia kini melalui alam persekitaran sekeliling. Di sinilah Pendidikan modul surah luqman dapat diajarkan secara halus dan mudah diterima oleh daya pemikiran kanan – kanak pada usia ini.

Disamping itu, maksud buku ilustrasi adalah buku yang menampilkan hasil visualisasi dari suatu tulisan dengan teknik drawing, lukisan, fotografi, atau teknik seni rupa lainnya yang lebih menekankan hubungan subjek dengan tulisan yang dimaksud daripada bentuk. Ilustrasi pada sebuah buku bertujuan untuk menerangkan atau menghiasi suatu cerita, tulisan, puisi, atau informasi tertulis lainnya. Diharapkan dengan bantuan visual, tulisan tersebut lebih mudah dicerna. Buku- Buku dapat mengembangkan kemampuan anak usia dini dalam berimajinasi dan berperilaku, serta berpikir (Bossert, 1998). Namun demikian,



buku yang menarik bagi anak usia dini adalah buku yang memiliki kesesuaian konteks dan ilustrasi (Walker,2012:180). Buku anak-anak yang menyajikan kesesuaian konteks dan ilustrasi yang memadai dapat mengoptimalkan kesenangan anak menggunakan buku itu

## **2.4ASAS REKA BENTUK**

Asas reka bentuk terbahagi kepada dua bahagian ialah elemen dan prinsip asas reka bentuk. Sebelum memulakan sesebuah rekabentuk atau karya, kita sebagai pengkarya perlu diketahui beberapa perkara asas iaitu ELEMEN dan PRINSIP seni.

Antaranya ialah:

### **2.4.1 ELEMEN ASAS REKA BENTUK**

Terdapat enam elemen asas dalam reka bentuk bagi menghasilkan ilustrasi yang baik iaitu garisan, warna, rupa, bentuk, jalinan dan ruang.

Garisan ialah satu deretan titik yang bersambung-sambung dan boleh diolah untuk mencipta rupa, jalinan, ton, corak dengan tujuan untuk menimbulkan bentuk, ruang, dan pergerakan. Terdapat pelbagai jenis bentuk garisan yang boleh dihasilkan untuk memberi makna tertentu dalam menghasilkan ilustrasi seperti garisan menegak, garisan putus-putus, garisan beralun dan sebagainya. Warna merupakan unsur yang sangat penting dalam penghasilan ilustrasi. Warna dapat diperolehi dimana-mana sahaja.

Warna juga mempengaruhi personaliti dan psikologi seseorang. Warna terbahagi kepada tiga kumpulan utama iaitu warna harmoni, warna penggenap dan warna sewarna. Warna harmoni ialah warna bersebelahan

dalam roda warna dan dikatakan sebagai warna sekeluarga, selesa dan seimbang. Warna penggenap ialah warna yang bertentangan dalam roda warna yang menimbulkan kesan segar, kaya, kontra, getaran dan pergerakan. Warna sewarna pula hanya satu warna yang mempunyai pelbagai ton seperti daripada terang kepada gelap. Warna juga mempunyai dua suhu warna iaitu warna panas dan warna sejuk. Warna panas ialah warna antara warna merah ungu hingga kuning hijau pada roda warna yang menimbulkan kesan bertenaga, garang, harapan, meriah dan sebagainya manakala warna sejuk pula ialah warna antara hijau hingga ungu pada roda warna yang menimbulkan kesan sejuk, sedih, damai dan tenang.

Seterusnya ialah elemen rupa. Rupa terbahagi kepada tiga bahagian iaitu rupa geometri, rupa organik, rupa positif dan negatif. Rupa geometri terdiri daripada rupa 11 bulat, segi empat, segi tiga dan rupa-rupa lain yang bersudut. Rupa geometri direka secara sengaja dan tidak timbul secara tidak sengaja. Rupa Organik pula ialah rupa bebas tanpa sudut. Rupa ini dapat diubah secara bebas. Rupa ini tidak direka cipta secara sengaja. Selain itu, rupa positif dan negatif adalah rupa yang diletakan di atas sesuatu permukaan. Rupa ini dinamakan sebagai rupa positif. Ruang di sekeliling rupa objek tersebut adalah rupa negatif. Bentuk ialah lanjutan daripada pemahaman rupa.

Elemen bentuk mempunyai keluasan, ketinggian, jisim dan lebih daripada satu permukaan. Bentuk terbahagi kepada dua iaitu bentuk konkrit dan bentuk ilusi. Bentuk konkrit merupakan bentuk objek sebenar yang bersifat tiga dimensi iaitu boleh disentuh, dilihat, dan dirasai. Bentuk konkrit tidak digunakan dalam penghasilan buku teks. Bentuk ilusi pula ialah bentuk

visual yang bersifat dua dimensi yang digambarkan melalui lukisan, gambar dan banyak diguna pakai dalam penghasilan ilustrasi dalam buku.

Jalanan ialah kesan-kesan yang terdapat pada permukaan benda atau objek. Semua objek sama ada objek semula jadi atau buatan manusia mempunyai kesan jalanan pada permukaannya. Jalanan terbahagi kepada dua iaitu jalanan sentuh dan jalanan tampak. Jalanan sentuh ialah jalanan yang dapat dirasai dengan sentuhan tangan seperti kolaj dan arca. Jalanan tampak pula merujuk kepada jalanan yang hanya dapat dilihat tetapi tidak dapat dirasai dengan tangan seperti ilustrasi dalam buku atau gambar foto. Dalam seni visual, kesan jalanan dapat menimbulkan jisim dan bentuk. Karya yang mempunyai kesan jalanan akan kelihatan lebih menarik dan realistik. Ruang ialah kawasan kosong di sekeliling objek, jarak antara dua objek, atau rongga dalam sesuatu objek.

Ruang juga terbahagi kepada dua iaitu ruang nyata dan ruang tampak. Ruang nyata ialah ruang sebenar yang terdapat pada bentuk-bentuk 12 konkrit. Ruang tampak pula ialah ruang yang hanya dapat dilihat dalam seni tampak seperti lukisan atau ilustrasi di dalam buku.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 2.4.1 PRINSIP ASAS REKA BENTUK

Prinsip rekaan adalah kaedah atau pengolahan elemen seni untuk menimbulkan gambaran tertentu dalam gubahan seni visual. Prinsip rekaan terbahagi kepada tujuh iaitu harmoni, kontra, penegasan, imbangan, pergerakan, kesatuan dan kepelbagaian.

Dalam istilah seni, harmoni merupakan hasil ulangan elemen seni yang sesuai dan seimbang. Prinsip harmoni bertanggungjawab mewujudkan kesatuan dalam hasil karya. Terdapat pelbagai cara boleh dilakukan untuk menghasilkan prinsip harmoni. Antaranya ialah penyusunan elemen-elemen rupa bentuk yang menghala ke arah yang sama, penggunaan warna, rupa dan bentuk dari jenis yang sama.

Kontra wujud apabila penggunaan elemen-elemen yang bertentangan dalam sesuatu karya. Elemen yang bertentangan ini adalah lebih daripada satu jenis elemen. Ini akan menimbulkan kesan percanggahan dan dapat mewujudkan daya tarikan. Tujuan kontra ialah untuk menonjolkan sesuatu yang menarik perhatian audien dan seterusnya mesej yang hendak disampaikan dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Seterusnya ialah penegasan, prinsip ini wujud apabila terdapat penonjolan suatu idea ataupun tema dalam sesuatu reka bentuk supaya ia menjadi tarikan utama. Prinsip penegasan berfungsi untuk menarik perhatian, memberi fokus, dan menumpukan perhatian terhadap mesej utama yang ingin disampaikan dalam 13 penghasilan sesebuah ilustrasi atau karya seni. Prinsip penegasan dapat dihasilkan melalui penggunaan elemen seni yang kontra atau mengasingkan objek yang hendak ditegaskan.

Imbangan dalam prinsip rekaan bermaksud kesamaan dan kesepadanan dari segi berat, tarikan dan tumpuan. Imbangan adalah satu keadaan yang sebanding atau tidak berat sebelah yakni sama antara satu sama lain. Imbangan boleh dibahagikan kepada dua iaitu imbangan simetri dan imbangan tidak simetri. Imbangan simetri ialah elemen seni yang sama antara kiri dan kanan atau atas dan bawah. Imbangan simetri boleh ditentukan berdasarkan garis lurus yang dibina di tengah suatu objek. Sebaliknya jika kedua-dua bahagian itu tidak sama maka ia dipanggil imbangan tidak simetri.

Prinsip pergerakan merupakan susunan elemen-elemen seni secara berulang-ulang. Susunan ini menimbulkan irama atau ilusi pergerakan dalam gubahan sesuatu benda. Kesan-kesan pergerakan boleh dihasilkan oleh elemen garisan, rupa dan bentuk dengan fungsi untuk memberi kesan lebih hidup dan realistik terhadap sesuatu gubahan. Pergerakan ialah keadaan yang bergetar, bergoyang, berayun, berpancar, bersinar-sinar dan sebagainya. Pergerakan dapat dilihat melalui kesan angin, air, ombak dan sebagainya.

Prinsip rekaan kesatuan bermaksud satu tema atau satu idea bagi semua elemen dalam sesuatu karya seni. Kesatuan dapat menimbulkan suasana yang tenteram, teratur dan selesa. Kesatuan ialah percampuran pelbagai objek untuk membentuk satu objek yang lain atau objek yang lebih berfungsi dan mempunyai makna yang lebih bererti. 14 Kepelbagaian ialah penggabungan pelbagai elemen seni dan idea dalam sesuatu karya.

Kepelbagaian menjadikan sesuatu ilustrasi itu menjadi menarik dan tidak membosankan dari segi visualnya. Akan tetapi, prinsip kepelbagaian tidak boleh digunakan secara keterlaluan kerana kesatuan sukar untuk dicapai serta menimbulkan kecelaruan dalam sesuatu hasil karya. Selain penggunaan

pelbagai elemen seni, penggunaan pelbagai media serta teknik yang berbeza-beza juga boleh menimbulkan kepelbagaian.

## **2.5 BENTUK KANAK – KANAK SUKA DALAM PENGHASILAN BUKU.**

Estetika Genre (Aesthetic Of The Genre)

Genre ialah perkataan Perancis yang bermakna jenis (Stood-Hill dan Amspaugh-Corson, 2009:21). Menurut Nikolajeva (2005:49) genre ialah cara mengagihkan karya sastera berdasarkan prinsip-prinsip tertentu. Terdapat beberapa kategori genre dalam sastera kanak-kanak seperti:

- i. Cerita rakyat, cerita dongeng dan mitos
- ii. Cerita Fantasi
- iii. Cerita haiwan dan cerita alat mainan kanak-kanak (toy stories)
- iv. Cerita Jenaka dan cerita karut (nonsense)
- v. Novel fiksyen sejarah (historical fiction)
- vi. Cerita realisme (realisme)
- vii. Cerita formula (formulaic fiction)
- viii. Novel remaja (young adult novel)

## 2.6RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh pengkaji lain dengan mengaplikasikan ilustrasi buku – kanak berdasarkan modul Pendidikan surah Luqman serta dapat menyampaikan dakwah. Berdasarkan kajian yang dilakukan terdahulu. Didapati terdapat beberapa pengkaji yang mengkaji berkaitan kajian ini. Pengkaji mencari dan mengumpul maklumat yang berkaitan dengan menghasilkan ilustrasi buku kanak – kanak berdasarkan modul Pendidikan surah al- Luqman serta bertujuan untuk menyampaikan dakwah



## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

Metodologi penyelidikan merupakan keadah dan reka bentuk, mengumpul, menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas atau lebih terperinci lagi tentang pengaplikasian keadah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

#### **3.1 REKA BENTUK KAJIAN**

Kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menjalankan kajian ilustrasi buku kanak-kanak dapat memberi pemahaman kepada kanak-kanak dalam memahami Al-Quran terutama bagi surah Luqman adalah kajian kualitatif. Rekabentuk kualitatif ini merupakan penyelidikan naratif, iaitu mengumpulkan data dalam pelbagai bentuk (soal selidik, pemerhatian dan gambar)

#### **3.2 KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian yang digunakan ialah menggunakan kaedah kajian kualitatif. Satu kajian dijalankan oleh pengkaji disebabkan mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengetahui secara mendalam tentang sesuatu fakta, pengalaman, data-data tertentu, kefahaman masyarakat. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpulkan menggunakan beberapa cara termasuklah pemerhatian dari pensyarah, set soal selidik, laporan penilaian dan sebagainya.



### **3.3 TEKNIK PENGUMPULAN DATA**

#### **3.3.1 PEMERHATIAN**

Setelah melakukan pengumpulan maklumat awal dari rujukan internet, pengkaji telah memilih berkaitan ilustrasi buku kanak -kanak dapat memberi pemahaman kepada kanak– kanak dalam memahami Al - Quran terutama bagi surah Luqman.

#### **3.3.2 PERSEMPELAN**

##### **a) BUKU/BAHAN-BAHAN DARI RUJUKAN BERTULIS/BERCETAK**

Buku-buku dan bahan bercetak yang berkaitan dengan ilustrasi buku kanak -kanak telah digunakan sebagai sumber rujukan dan penambahan maklumat kepada pengkaji. Pengkaji juga melakukan peyelidikan daripada penulisan oleh pengkaji-pengkaji yang lain yang berbentuk tesis/journal.


##### **b) Laman web/Internet**

Selain itu, pengkaji juga mencari maklumat awal berkaitan dengan ilustrasi buku kanak – kanak melalui laman web. Pelbagai laman web digunakan untuk mencari pergabungan idea tentang tajuk kajian yang dilakukan.

MALAYSIA

KELANTAN

## c) CARTA



## **RUMUSAN**

Secara keseluruhannya, bab ini mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji sama ada menggunakan kaedah kualitatif. Dalam kajian tersebut, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan kaedah dimana pengkaji mencari dan mengumpul bahan serta maklumat melalui bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan seperti istilah, konsep dan teori bagi menjelaskan sesuatu kajian dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan google forms (borang soal selidik).



## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bahagian ini menerangkan keputusan analisis data berdasarkan tindak balas responden terhadap soal selidik, rujukan dan pemerhatian yang telah dijalankan berkaitan mengenalpasti ilustrasi buku kanak-kanak berdasarkan modul Pendidikan surah Luqman. Terdapat sebanyak 74 responden telah dikumpul sepanjang menjalankan soal selidik menggunakan “Google forms” Didalam analisis tersebut terdapat peratusan yang telah dinyatakan oleh pengkaji berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh responden dalam data tersebut bagi membantu kajian ini dijalankan.

## 4.2 Analisis Dapatan kajian data demografi

Jadual 4.1 menunjukkan pecahan responden terhadap kajian tentang mengaplikasikan ilustrasi buku kanak – kanak berdasarkan modul pendidikan surah luqman ayat 13 -19 berdasarkan jantina, umur, dan perkerjaan.

Jadual 4.1 menunjukkan demografi responden

<b>Faktor</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Jantina</b>	Lelaki	40	54.1%
	Perempuan	34	45.9%
<b>Umur</b>	20 - 29 tahun	42	56.8%
	30 - 39 tahun	5	6.8%
	40 tahun keatas	27	36.5%
<b>Perkerjaan</b>	Sektor awam	16	21.6%
	Sektor swasta	8	10.8%
	Tidak bekerja	33	44.6%
	Bekerja sendiri	17	23%

### 4.3 Dapatan kajian sejauh mana tahap pemahaman kanak - kanak memahami

#### Al -Quran bagi surah Al – Luqman

Jadual 4.2 menunjukkan pecahan responden terhadap kajian tentang mengaplikasikan ilustrasi buku kanak – kanak berdasarkan modul pendidikan surah luqman ayat 13 -19 sejauh mana tahap pemahaman kanak - kanak memahami Al -Quran bagi surah Al – Luqman.

Jadual 4.2 menunjukkan sejauh mana tahap pemahaman kanak - kanak memahami Al -Quran bagi surah Al – Luqman

Pernyataan	Jawapan	Kekera-pan	Peratusan
<b>1. Adakah anda mengetahui tentang nasihat yang terkandung di dalam surah Luqman Al Hakim?</b>	Ya	60	82.2%
	Tidak	13	17.8%
<b>2. Berikut merupakan beberapa petikan yang terkandung didalam surah Luqman. Syirik merupakan kezaliman yang besar kerana meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya dan ia merupakan dosa besar kerana menyamakan Allah SWT dengan berhala yang tidak mampu melakukan sesuatu pun. Adakah anda setuju bahawa penghasilan buku ilustrasi ini mampu menyampaikan dakwah bahawa Allah itu maha berkuasa?</b>	Skala		
	1	-	-
	2	1	1.4%
	3	2	2.7%
	4	5	6.8%
	5	66	89.2%
<b>3. Di dalam petikan surah Luqman, terdapat nasihat dalam mendidik kanak-kanak terutamanya dalam pembentukan Akhlak. Adakah anda bersetuju sekiranya dengan penghasilan buku ilustrasi kanak -kanak ini dapat membantu dalam membentuk jati diri kanak-kanak?</b>	Skala		
	1	-	-
	2	-	-
	3	5	6.8%
	4	9	12.2%
	5	60	81.1%
<b>4. Antara salah satu nasihat Luqman kepada anaknya ialah ibadah iaitu mendirikan solat. Solat merupakan amalan yang penting bagi umat Islam kerana ia adalah tiang agama. Adakah anda bersetuju sekiranya dengan penghasilan buku ilustrasi kanak- kanak ini dapat menarik minat kanak- kanak untuk belajar solat?</b>	Skala		
	1	-	-
	2	1	1.4%
	3	-	-
	4	10	13.5%
	5	63	85.1%
<b>5. Islam memberi penghormatan yang tinggi kepada ibubapa. Adakah anda setuju dengan penghasilan buku ilustrasi kanak- kanak ini dapat membantu dalam berbakti dengan kedua ibubapa?</b>	Skala		
	1	-	-
	2	1	1.4%
	3	2	2.7%
	4	9	12.2%
	5	62	83.8%

**4.4 Dapatan kajian dengan penghasilan buku ilustrasi kanak-kanak sebagai modul pendidikan surah Luqman bagi menyampaikan nasihat dan pesanan yang lebih menarik serta menyampaikan dakwah.**

Jadual 4.3 menunjukkan pecahan responden terhadap kajian tentang mengaplikasikan ilustrasi buku kanak – kanak berdasarkan modul pendidikan surah luqman ayat 13 -19 berdasarkan penghasilan buku ilustrasi kanak-kanak sebagai modul pendidikan surah Luqman bagi menyampaikan nasihat dan pesanan yang lebih menarik serta menyampaikan dakwah.


Jadual 4.3 menunjukkan penghasilan buku ilustrasi kanak-kanak sebagai modul pendidikan surah Luqman bagi menyampaikan nasihat dan pesanan yang lebih menarik serta menyampaikan dakwah.

Pernyataan	Jawapan	Kekerapan	Peratusan
<b>1. Adakah dengan penghasilan buku Ilustrasi dapat menyampaikan nasihat dan memupukkan minat kanak-kanak untuk membaca?</b>	Ya	63	85.1%
	Tidak	-	-
	Mungkin	11	14.9%
<b>2. Pada pendapat anda, berapakah bilangan muka surat yang sesuai untuk menghasilkan buku kanak -kanak?</b>	5- 6 m/s	20	27%
	7-8 m/s	42	42%
	10m/s	12	16.2%
<b>3. Sebagai pembeli, adakah sesuatu rekabentuk muka hadapan buku ilustrasi kanak -kanak dapat mempengaruhi anda untuk membeli?</b>	A	74	100%
	B	-	-
	C	-	-
<b>4. Visual di bawah menunjukkan identiti utama bagi perwatakan Luqman. Pada pendapat anda, perwatakan yang manakah sesuai untuk menjadi Luqman agar lebih menarik minat kanak -kanak untuk membaca?</b>	A	55	74.3%
	B	3	4.1 %
	C	16	21.6%
<b>5. Sebagai pembeli atau kanak-kanak, tulisan manakah yang mudah dibaca dan jelas untuk kanak -kanak ?</b>	A	4	5.5%
	B	52	71.2%
	C	17	23.3%

## 4.5 PERBINCANGAN


